



KENYATAAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

"PENGUATKUASAAN PELAKSANAAN PENGGUNAAN *SPEED LIMITATION DEVICE (SLD)*"

SHAH ALAM, SELANGOR, 13 JUN 2025 – Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan melaksanakan penguatkuasaan terhadap Speed Limitation Device (SLD) ke atas kenderaan perdagangan sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan keselamatan jalan raya serta mengurangkan risiko kemalangan maut yang melibatkan kenderaan berat.

SLD merupakan peranti kawalan had laju atau sistem yang direka untuk mengehadkan kelajuan maksimum kenderaan. Peranti ini memainkan peranan penting dalam mengelakkan pemanduan melebihi had laju yang ditetapkan, terutamanya bagi kenderaan yang membawa muatan berat atau penumpang.

Kaedah pelaksanaan penguatkuasaan SLD yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Pengesahan Kefungsian SLD

Semua Bas Persiaran, Bas Ekspres dan kenderaan barangan berat maksimum melebihi 3,500kg (yang didaftar bermula 1 Januari 2015), adalah diwajibkan untuk mendapatkan Pengesahan Kefungsian dan Laporan SLD dari pihak seperti berikut:

- Pengilang/ pengeluar kenderaan;
- Technical Service (TS) yang diiktiraf oleh JPJ;
- Bengkel atau fasiliti servis yang diiktiraf oleh JPJ; atau
- Badan Pensijilan Bertauliah (oleh Jabatan Standard Malaysia) yang diiktiraf oleh JPJ.

Dokumen Pengesahan Kefungsian dan Laporan SLD ini wajib diperbaharui setiap dua (2) tahun dan perlu dibawa ke Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) dan ketika permohonan atau pembaharuan Permit di Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD). Dokumen tersebut juga perlu dibawa setiap masa di dalam kenderaan bagi tujuan penguatkuasaan oleh JPJ.

Penguatkuasaan Pengesahan Kefungsian SLD akan bermula 1 Oktober 2025.

2. Pengaktifan SLD dalam *Electronic Control Unit* (ECU)

Bagi kenderaan barangan (berat maksimum melebihi 3,500kg) dan kenderaan penumpang (membawa penumpang melebihi 8 orang dan berat maksimum melebihi 5,000kg) yang didaftar sebelum 1 Januari 2015, dan mempunyai fungsi SLD dalam ECU, pengaktifan peranti ini adalah diwajibkan.

Dokumen Pengesahan Kefungsian dan Laporan SLD ini wajib diperbaharui setiap dua (2) tahun dan perlu dibawa ke Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) dan ketika permohonan atau pembaharuan Permit di Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD). Dokumen tersebut juga perlu dibawa setiap masa di dalam kenderaan bagi tujuan penguatkuasaan oleh JPJ.

Kenderaan Rebuild dan kenderaan barangan Import Terpakai (berat maksimum melebihi 3,500kg) turut akan dikuatkuasakan.

Penguatkuasaan pengaktifan SLD dalam ECU akan bermula 1 Januari 2026.

3. Pelaksanaan *Conformity of Production* (COP) bagi SLD di Kilang Pengeluaran

Pihak JPJ akan meluaskan aktiviti *Conformity Of Production* (COP) yang telah bermula pada April 2025 bagi model kenderaan perdagangan yang telah memiliki sijil *Vehicle Type Approval* (VTA) bermula dari tahun 2015.

Pemeriksaan di kilang-kilang pengeluaran akan memastikan had laju yang ditetapkan pada SLD adalah mengikut Had Laju Kebangsaan yang ditetapkan. Semua jenis bas dan kenderaan berat telah ditetapkan had laju maksimum 90km/j.

4. Pemasangan SLD secara retrofit

Bagi kenderaan barangan (berat maksimum melebihi 3,500kg) dan kenderaan penumpang (membawa penumpang melebihi 8 orang dan berat maksimum melebihi 5,000kg) yang tidak dilengkapi sistem SLD, adalah diwajibkan untuk memasang peranti SLD secara retrofit yang telah mendapat pengesahan daripada JPJ.

Pemasangan peranti SLD ini perlu disahkan oleh pihak yang berkeelayakan seperti berikut:

- Technical Service (TS) yang diiktiraf oleh JPJ;
- Bengkel atau fasiliti servis yang diiktiraf oleh JPJ; atau
- Badan Pensijilan Bertauliah (oleh Jabatan Standard Malaysia) yang diiktiraf oleh JPJ.

Langkah ini bertujuan memastikan peranti dipasang mengikut spesifikasi teknikal yang ditetapkan serta berfungsi dengan sempurna bagi menjamin keselamatan dan pematuhan undang-undang yang berkaitan.

Dokumen Pengesahan Pemasangan dan Kebolehfungsian ini wajib diperbaharui setiap dua (2) tahun dan perlu dibawa ke Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) dan ketika permohonan atau pembaharuan Permit di APAD. Dokumen tersebut juga perlu dibawa setiap masa didalam kenderaan bagi tujuan penguatkuasaan oleh JPJ.

Penguatkuasaan Pemasangan SLD secara retrofit akan bermula 1 Julai 2026.

Pelaksanaan penguatkuasaan ini adalah satu langkah penting ke arah memastikan kenderaan perdagangan mematuhi ciri keselamatan kritikal, seterusnya mengurangkan risiko kemalangan jalan raya yang melibatkan nyawa dan harta benda.

Pihak Kementerian menyeru agar seluruh pemain industri, pengeluar, operator logistik dan pemilik kenderaan perdagangan untuk memberikan kerjasama penuh demi merealisasikan sistem pengangkutan yang lebih selamat, moden dan berdaya saing selaras dengan semangat Malaysia MADANI dan keselamatan jalan raya.

YB LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
13 JUN 2025

[TAMAT]